MOSTI komited laksana Malaysia Techlympics sebagai usaha konsisten perkasa STI

UB 07.09.2024 P.03

Oleh Siti Aisyah Narudin

KOTA KINABALU: Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) komited dalam melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memupuk minat golongan pelajar dan belia terhadap bidang Sains, Teknologi dan Inovasi (STI).

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Mohammad Yusof Apdal berkata, Program Malaysia Techlympics 2024 adalah usaha konsisten kerajaan melalui MOSTI untuk membudayakan STI dalam kehidupan rakyat Malaysia khususnya dalam kalangan murid, pelajar serta belia.

Katanya, program seumpama itu penting untuk memberi pendedahan kepada para peserta khususnya berhubung teknologi-teknologi terkini selaras dengan misi untuk melonjakkan Malaysia ke atas rantaian nilai inovasi global.

Menurutnya, kemahiran dan pengetahuan yang diperoleh melalui program-program berkenaan boleh digunakan sebagai asas dalam meningkatkan pembangunan bakat sekali gus mampu menyumbang kepada penyelidikan dan pembangunan (R&D) negara.

"Antara teknologi yang sedang berkembang pesat adalah teknologi kecerdasan buatan atau 'Artificial Intelligence' (AI) yang banyak diguna pakai dalam bidang perniagaan dan beberapa industri yang berkaitan.

"Antara faedahnya adalah meningkatkan kecekapan dan peningkatan produktiviti apabila teknologi ini membantu dalam mengendalikan tugasan harian sekali gus membenarkan pekerja untuk melaksanaan tugasan berimpak dan bernilai tinggi yang tidak dapat dilaksanakan oleh teknologi sedia ada.

"Melihat kepada kepentingan teknologi ini kepada negara, antara pengisian aktiviti dan pertandingan Malaysia Techlympics turut menekankan aspek teknologi terkini seperti AI, pengekodan, pengkomputeran, dron dan banyak lagi sebagai wadah dan pendedahan awal bagi para pelajar dan belia dalam teknologi pesat ini," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan majlis penutupan Malaysia Techlympics 2024 Peringkat Zon Sabah di Universiti Malaysia Sabah (UMS) dekat sini pada Khamis.

Yusof berkata, seramai lebih 800 peserta melibatkan 59 sekolah dari Sabah dan Labuan menyertai Malaysia Techlympics 2024 Peringkat Zon Sabah.

Dalam pada itu katanya, Malaysia Techlympics turut menekankan aspek keterangkuman dan inklusif dengan menitikberatkan akses kepada keperluan asas dan pendidikan berkualiti menerusi Program Jangkauan Keterangkuman (outreach) yang dirancang sepanjang tempoh pelaksanaannya.

Menurutnya, program itu bertujuan meningkatkan akses kepada Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) khususnya kepada pelajar luar bandar, guru dan komuniti setempat.

"Sehingga kini, sejumlah lebih 1,000 pelajar dari Sabah dan Labuan terlibat secara langsung dalam pelaksanaan Program Jangkauan Keterangkuman ini. Manakala, lebih daripada 50 guru juga terlibat dalam latihan atau 'Training of Trainers' secara fizikal dan dalam talian," katanya.

Penganjuran Malaysia Techlympics 2024 dilaksanakan bermula bulan Julai hingga November tahun ini di seluruh negara dan selepas diadakan di Zon Pantai Timur dan Sabah, program ini akan dilaksanakan di peringkat Zon Utara, Zon Tengah, Zon Selatan dan Zon Sarawak.

Pertandingan ini melibatkan tiga peringkat iaitu pusingan awal, peringkat zon dan kebangsaan yang melibatkan pemenang dari setiap zon bersaing di peringkat akhir pada November ini.

Ia termasuk tiga kategori iaitu Kategori A: 'Build and Compete' (pertarungan/pertandingan) untuk sekolah rendah dan Menengah, Kategori B: 'Think and Act' (kuiz) untuk sekolah rendah, menangah dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) serta Kategori C: 'Ideate and Solve' (penyelesaian masalah) bagi sekolah menengah dan IPT.

Sebarang maklumat lanjut mengenai Malaysia Techlympics boleh melayari laman sesawang rasmi Malaysia Techlympics 2024 iaitu www.mytechlympics.com.

UMS UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

PESERTA: Yusof (tengah) sempat berbual dengan kumpulan peserta yang menyertai pertandingan

TECHLYMPICS: Tahap pemikiran dan keupayaan setiap pelajar diuji dengan pelbagai bentuk modul dalam Ma-